

Ingatan kepada syarikat-syarikat tempatan Tiada jalan mudah capai kejayaan – PM

UM 10 NOV 1990

KUALA LUMPUR 9 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan syarikat - syarikat tempatan bahawa tidak ada jalan mudah untuk mereka mencapai kejayaan dalam kegiatan industri masing - masing.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kejayaan hanya boleh dicapai menerusi ketekunan, kerajinan dan prestasi yang tinggi.

Beliau juga mengingatkan syarikat - syarikat tempatan tentang musuh ketat kejayaan iaitu keinginan untuk mendapat keuntungan dalam jangka masa yang pendek.

"Segala usaha yang dibuat hendaklah mempunyai matlamat berpanjangan dan kekal kerana mengutamakan keuntungan jangka pendek, segala barang dan kerja diringkaskan tanpa mengambilkira sama ada tempahan akan dibuat berulang kali," katanya di Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri 1990 di Hotel Shangri-La di sini.

Perdana Menteri mengingatkan, barangan atau kerja yang berkualiti rendah dan murah mungkin memberi keuntungan yang besar tetapi hanya sekali dan selepas itu pasaran akan menolaknya kali kedua dan seterusnya.

"Dalam jangka panjang syarikat - syarikat yang berbuat demikian akan menanggung kerugian.

"Sebaliknya, mutu barangan dan khidmat yang baik walaupun meningkatkan kos dan mengurangkan keuntungan tetapi pasaran akan menerima secara berkekalan yang akan membawa hasil ber-

panjang dan lebih tinggi dari keuntungan jangka pendek," katanya.

Beliau juga menegaskan pentingnya kecemerlangan dalam semua kerja yang dilakukan.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mahu pengeluaran dan pemasaran mengambilkira pengetahuan pengguna yang lebih sofistikated seperti yang dilakukan dalam sistem perhubungan termasuk TV, radio, majalah dan suratkhobar.

Menurut Perdana Menteri lagi, setiap individu sama ada pihak pengurusan atau pekerja bertanggungjawab memberi khidmat yang terbaik bagi mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi.

Katanya, khidmat yang cemerlang akan mendapat balasan (*reward*) yang tinggi serta mendatangkan hasil material bagi pengamal atau pengusaha berkenaan.

Sebanyak 184 syarikat dan hotel menyertai anugerah tersebut dan 10 darinya menerima hadiah dalam kategori masing-masing.

Anugerah prestasi antara hotel (mengikut jumlah bilik) dimenangi oleh Hotel Rasa Sayang dan City Vavivew, kedua-duanya dari Pulau Pinang dan Hotel Suraya Kuantan, Pahang.

Bagi anugerah pengurusan bermutu dimenangi oleh Motorola Bayan Lepas, Pulau Pinang dan Hewlett Packard Sales (M) Sdn. Bhd., sementara Hevafil Sdn. Bhd. dan Leader Cable Industry Berhad memenangi anugerah eksport cemerlang.

Anugerah keluaran cemerlang dimenangi oleh Industronic Sdn. Bhd., PK Electronic Industries Sdn. Bhd. dan Nestle (M) Bhd.